# MERANGKA STRATEGI PEMBANGUNAN MAPAN KOMUNITI ORANG ASLI: SUATU PENILAIAN TAHAP KEMAPANAN KOMUNITI TEMIAR DI RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA (RPS) LEGAP & POS KUALA MU, DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK

KHAIRUL HISYAM BIN KAMARUDIN

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
ijazah Sarjana Sains (Perancangan Bandar & Wilayah)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2005

*"mengingati jerih-perih ayahanda dan bonda"*

# PENGHARGAAN

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang*

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia tesis iaitu Prof. Madya Dr. Ibrahim Ngah di atas kesabaran mendidik dan memimpin saya sehingga siapnya tesis ini. Budi dan jasa Dr. Ibrahim takkan mungkin dapat saya membalasnya. Terima kasih juga diucapkan kepada pemeriksa dalaman dan pemeriksa luar yang telah menilai sebaik-baiknya tesis ini.

Sama ada sedar atau tidak, banyak pihak telah terlibat membantu saya menyiapkan tesis ini, terutama sokongan daripada seluruh kaum keluarga serta tidak lupa para pegawai dari JHEOA Persekutuan *(En. Zainal Abidin Hj. Ali)* dan JHEOA Daerah Kuala Kangsar *(En. Badrol Hisham Kamaruddin, En. Mokhtar Daud, En. Asri Dahyat, En. Tajuddin Hassan dan En. Yuswardi Che Soh)*. Tidak lupa kepada informan-informan kajian dan penghulu *(Sudin Long, Perjek dan Karim Busu, Kuala Mu)*, guru-guru Sek. Keb. Pos Kuala Mu *(Hj. Ahmad, Cikgu Farid, Cikgu Fendi, Cikgu Amin dan lain-lain)* serta para penggiat masyarakat *(Ustaz Mohd Som dan Ustaz Ismail)* kerana banyak meringankan beban tugas saya selama beberapa kunjungan ke kawasan kajian. Ucapan terima kasih turut diberikan kepada semua rakan Program Lepas Ijazah *(Hanizun, Hafiz, Hazlan, Kayspi, Ubong, Apriyan, Yendo, Moukhtar)* dan Saudari Masliyana Bte Mohd Noor di atas sokongan anda terhadap kajian saya ini.

Dengan rasa penuh kerdil saya bersyukur kepada Allah kerana telah mengurniakan saya dengan kesempatan, tenaga dan keupayaan, membenarkan saya mengecapi pelbagai nikmat hidup serta memberikan kekuatan untuk meneroka bidang ini. Alhamdulillah.

# ABSTRAK

Dalam pengisytiharan Persidangan Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Rio de Janeiro 1992, peranan penduduk Pribumi dalam pengurusan alam sekitar dan pembangunan bagi mencapai kemapanan telah diiktiraf kerana ilmu dan amalan tradisional mereka. Bagaimanapun, nilai dan amalan tradisional penduduk Pribumi hari ini telah semakin terhakis akibat tekanan bagi memenuhi tuntutan kehidupan yang moden dan pengaruh sistem pasaran bebas yang menular dalam komuniti. Kajian ini menyelidiki setakat mana pengetahuan dan amalan semasa kehidupan komuniti Orang Asli selaras dengan prinsip-prinsip kemapanan dan bagaimanakah pengetahuan dan amalan hidup mereka boleh digunakan dalam membina kerangka pembangunan komuniti mapan. Berdasarkan kajian kes terhadap komuniti Orang Asli di Kampung Perjek dan Kuala Mu, Daerah Kuala Kangsar, Perak, kajian ini telah menilai tahap kemapanan komuniti yang dikaji berdasarkan indikator-indikator yang dibentuk. Sebanyak 45 indikator dikenalpasti secara komprehensif merangkumi dimensi ekonomi, sosial dan fizikal. Indikator ini kemudiannya dikategorikan kepada komponen sikap, sistem dan situasi. Kajian di lapangan dilakukan selama 28 hari untuk membuat pengamatan, soal-selidik isirumah dan temubual mendalam beberapa responden terpilih. Tahap kemapanan dianalisis bagi setiap indikator dan kaedah indeks digunakan bagi mengukur tahap kemapanan komuniti secara keseluruhan. Kajian ini mendapati terdapat pelbagai tahap kemapanan bagi setiap indikator. Tahap kemapanan sederhana bagi indikator sikap dan situasi serta rendah bagi indikator sistem. Berasaskan penemuan analisis dan proses percambahan minda bersama penduduk, kajian telah merangka strategi pembangunan mapan Orang Asli yang dikaji meliputi cadangan pertanian organik secara komersil, pelancongan, pembangunan sumber manusia, petempatan tersusun dan pengurusan alam sekitar.

## ABSTRACT

In the declaration of the Conference on Environment and Development at Rio de Janeiro 1992, the role of indigenous people in environmental management and development for achieving sustainability was recognized because of their knowledge and traditional practice. However, the value and traditional practices of the indigenous communities today has gradually disappear due to pressure from modernization and influence of market economy which penetrated them.the study examine the extent to which the knowledge and practice of the Orang Asli community comply with sustainable development principles and how their knowledge and practice could be used to derive a framework for sustainable development strategies of Orang Asli community. Based on a case study of Orang Asli communities of Kampung Perjek and Kuala Mu, this study evaluate the level of sustainability of the communities on the basis of indicators formulated. 45 indicators were finalized in comprehensive manned covering economic, social and physical dimensions. These indicators then were categorized into attitude, system and situational components. Fieldworks were conducted about 28 days to make observations, household survey and in-depth interviews of selected respondents. The level of sustainability of each indicator was analyzed based on information collected and index was used to measure overall sustainability. This study shows variability of sustainability levels of each indicators. Levels of sustainability were moderate for the attitude and situation indicators and low for the system indicators. On the basis of the findings and the brainstorming process with the locals, this study suggests a framework for the sustainable development strategy of Orang Asli community which includes commercialization of organic farming, tourism, human resource development, rearrangement of settlement and environmental management.

# SENARAI KANDUNGAN


| BAB | PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| | **PENGAKUAN** | | ii |
| | **DEDIKASI** | | iii |
| | **PENGHARGAAN** | | iv |
| | **ABSTRAK** | | v |
| | **ABSTRACT** | | vi |
| | **SENARAI KANDUNGAN** | | vii |
| | **SENARAI JADUAL** | | xiii |
| | **SENARAI RAJAH** | | xvi |
| **1** | **PENGENALAN** | | |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Permasalahan Penyelidikan | 3 |
| | 1.3 | Matlamat dan Objektif Penyelidikan | 6 |
| | 1.4 | Skop Penyelidikan | 7 |
| | 1.5 | Sumbangan dan Kepentingan Penyelidikan | 9 |
| | 1.6 | Organisasi Tesis | 10 |

**2 KONSEP KOMUNITI MAPAN**

2.1 Pengenalan 13
2.2 Konsep Komuniti Mapan 14
2.2.1 Pembangunan Mapan 14
2.2.1.1 Definisi Pembangunan Mapan 14
2.2.1.2 Matlamat Pembangunan Mapan 16
2.2.1.3 Dimensi dan Kriteria Pembangunan Mapan 17
2.2.2 Komuniti Mapan 21
2.2.2.1 Ciri-Ciri Komuniti Mapan 22
2.2.3 Indikator Komuniti Mapan 27
2.2.3.1 Pendekatan Membentuk Indikator Komuniti Mapan 31
2.3 Ilmu Pengetahuan Pribumi dan Pembangunan Komuniti Mapan 37
2.3.1 Definisi Ilmu Pengetahuan Pribumi 38
2.3.2 Amalan Kemapanan Dalam Sistem Ilmu Pengetahuan Pribumi 40
2.4 Strategi Pembangunan Komuniti Orang Asli 45
2.4.1 Pengalaman Malaysia 45
2.4.2 Pengalaman Luar Negara 49
2.4.2.1 Pengalaman Australia 49
2.4.2.2 Pengalaman Mexico 50
2.4.2.3 Pengalaman Kanada 51
2.5 Kesimpulan 52

**3 PROFIL MASYARAKAT ORANG ASLI DI MALAYSIA DAN KAWASAN KAJIAN**

3.1 Pengenalan 53
3.2 Latar Belakang dan Sejarah Asal-Usul Orang Asli di Malaysia 56
3.3 Profil dan Taburan Suku Kaum Orang Asli 57
3.3.1 Negrito 62
3.3.2 Senoi 63
3.3.3 Melayu-Proto 64
3.4 Cabaran Pembangunan Orang Asli Di Malaysia 65
3.4.1 Faktor-Faktor Kemunduran: Ekonomi 66
3.4.2 Faktor-Faktor Kemunduran: Sosio-Budaya 67
3.4.3 Faktor-Faktor Kemunduran: Fizikal 68
3.5 Orang Asli Negeri Perak 70
3.6 Latar Belakang Kawasan Kajian 73
3.6.1 Latar Belakang dan Sejarah Kampung 74
3.6.2 Profil Isirumah 81
3.6.2.1 Struktur Umur Isirumah 81
3.6.2.2 Tahap Pendidikan Isirumah 83
3.6.3 Alam Sekitar dan Fizikal 85
3.6.4 Sosio-Ekonomi dan Budaya 90
3.6.4.1 Status Bekerja dan Pekerjaan Isirumah 90
3.6.4.2 Kemahiran dan Budaya Hidup 92
3.7 Kesimpulan 95

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4** | **METODOLOGI PENYELIDIKAN** | | |
| | 4.1 | Pengenalan | 96 |
| | 4.2 | Carta Alir Metodologi Penyelidikan | 96 |
| | 4.3 | Pendekatan Penentuan Indikator-Indikator Kemapanan | 100 |
| | 4.4 | Instrumentasi Penyelidikan | 107 |
| | | 4.4.1 Penggunaan Kajian Kes | 109 |
| | 4.5 | Teknik-Teknik Pengumpulan Data | 111 |
| | | 4.5.1 Temubual | 112 |
| | | 4.5.2 Pemerhati Sebagai Sebahagian Peserta | 113 |
| | | 4.5.3 Gambar Foto | 115 |
| | | 4.5.4 Rekabentuk Borang Soal-Selidik | 115 |
| | 4.6 | Halangan-Halangan Pengumpulan Data | 117 |
| | 4.7 | Kajian Rintis | 119 |
| | 4.8 | Kajian Lapangan Sebenar | 120 |
| | 4.9 | Kajian Lapangan Lanjutan | 121 |
| | | 4.9.1 Perbincangan dan Dialog Kerangka Strategi | 121 |
| | 4.10 | Teknik Analisis Data Kuantitatif | 122 |
| | 4.11 | Kesimpulan | 123 |

**5 ANALISIS INDIKATOR-INDIKATOR KOMUNITI MAPAN**

5.1 Pengenalan 124
5.2 Analisis Profil Responden 125
5.2.1 Umur Responden 126
5.2.2 Jantina Responden 127
5.2.3 Agama Responden 128
5.2.4 Tahap Pendidikan Responden 129
5.2.5 Kemahiran Responden 131
5.3 Analisis Terhadap Indikator-Indikator Komuniti Mapan 132
5.3.1 Analisis Tahap Kemapanan Sikap 133
5.3.2 Analisis Tahap Kemapanan Sistem 148
5.3.3 Analisis Tahap Kemapanan Situasi 160
5.4 Penemuan Analisis dan Rumusan 187

**6 ANALISIS TAHAP KEMAPANAN KOMUNITI**

6.1 Pengenalan 190
6.2 Analisis Tahap Kemapanan Komuniti 191
6.2.1 Pemberian Nilai Indeks Indikator 191
6.2.2 Perlaksanaan Analisis Indeks 194
6.3 Tahap Kemapanan Sikap 197
6.4 Tahap Kemapanan Sistem 198
6.5 Tahap Kemapanan Situasi 199
6.6 Penemuan Analisis dan Rumusan 201

| | | | |
|---|---|---|---|
| **7** | **KERANGKA STRATEGI PEMBANGUNAN MAPAN KOMUNITI ORANG ASLI** | | |
| | 7.1 | Pengenalan | 204 |
| | 7.2 | Rumusan Penemuan Analisis | 205 |
| | 7.3 | Rumusan Permasalahan Komuniti dan Cadangan Kerangka Strategi Pembangunan Mapan Komuniti | 208 |
| | | 7.3.1 Pertanian Organik Secara Komersil | 210 |
| | | 7.3.2 Pelancongan Mapan | 214 |
| | | 7.3.2.1 Pelancongan Eko-Budaya | 215 |
| | | 7.3.2.2 Pelancongan Pertanian | 216 |
| | | 7.3.3 Pembangunan Sumber Manusia Mapan | 217 |
| | | 7.3.4 Petempatan Tersusun | 219 |
| | | 7.3.5 Pengurusan Alam Sekitar | 222 |
| | 7.4 | Sumbangan Kajian Terhadap Kerangka Teori Ilmu Pengetahuan Orang Asli Dan Kemapanan | 224 |
| | 7.5 | Implikasi Terhadap Bidang Perancangan Bandar dan Wilayah | 225 |
| | 7.6 | Cadangan Kajian Lanjutan | 227 |
| | 7.7 | Penutup | 228 |
| **SENARAI RUJUKAN** | | | 226 |

## SENARAI JADUAL


| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 2.1 | Definisi pembangunan mapan | 15 |
| 2.2 | Situasi Komuniti Mapan | 25 |
| 2.3 | Kriteria-Kriteria indikator yang ideal | 31 |
| 2.4 | Indikator pembangunan mapan di Malaysia | 33 |
| 2.5 | Indikator pembangunan komuniti mapan di China | 34 |
| 2.6 | Indikator pembangunan mapan komuniti pribumi (Kayan) | 35 |
| 3.1 | Taburan penduduk Orang Asli mengikut negeri, Semenanjung Malaysia (tahun 1957-1998) | 58 |
| 3.2 | Taburan kumpulan etnik utama Orang Asli mengikut negeri Semenanjung Malaysia (1998) | 60 |
| 3.3 | Kumpulan etnik Negrito, lokasi dan anggaran populasi (1993) | 62 |
| 3.4 | Kumpulan etnik Senoi, lokasi dan anggaran populasi (1993) | 63 |
| 3.5 | Kumpulan etnik Melayu-Proto, lokasi dan anggaran populasi (1993) | 64 |
| 3.6 | Profil kemiskinan isirumah Orang Asli Semenanjung Malaysia (1998) | 65 |
| 4.1 | Sei indikator kajian komuniti mapan Orang Asli | 103 |
| 4.2 | Set indikator komuniti mapan beserta cadangan piawaian, pemberat dan cadangan matlamat | 104 |
| 5.1 | Senarai nama responden kawasan kajian | 125 |
| 5.2 | Pecahan jantina responden mengikut kampung | 128 |
| 5.3 | Pecahan tahap pendidikan responden mengikut kampung | 129 |
| 5.4 | Membuat simpanan wang | 133 |
| 5.5 | Amalan bersukan | 134 |
| 5.6 | Tabiat merokok | 135 |

| | | |
|---|---|---|
| 5.7 | Penglibatan dalam kegiatan kebudayaan (Sewang) | 136 |
| 5.8 | Amalan bergotong-royong | 138 |
| 5.9 | Amalan berpersatuan | 139 |
| 5.10 | Pembabitan merancang program pembangunan komuniti | 140 |
| 5.11 | Kesanggupan membantu jiran | 141 |
| 5.12 | Penggunaan bahan kimia dalam pertanian | 142 |
| 5.13 | Amalan guna semula | 143 |
| 5.14 | Mengurangkan penggunaan sumber | 144 |
| 5.15 | Amalan merawat/membaikpulih | 145 |
| 5.16 | Penggunaan halaman rumah | 146 |
| 5.17 | Amalan membersihkan halaman rumah (> 3 kali seminggu) | 147 |
| 5.18 | Tempoh masa bekerja (>8 jam sehari) | 149 |
| 5.19 | Tahu – pembahagian kerja | 150 |
| 5.20 | Amal – sistem pembahagian kerja | 151 |
| 5.21 | Tahu – sistem pembahagian hasil | 152 |
| 5.22 | Amal – pembahagian hasil | 153 |
| 5.23 | Amal – perkongsian hasil | 154 |
| 5.24 | Kepatuhan kepada adat/peraturan tradisional | 155 |
| 5.25 | Penglibatan dengan pembuatan keputusan | 156 |
| 5.26 | Pengasingan bilik tidur | 157 |
| 5.27 | Pengurusan sisa dan sampah | 159 |
| 5.28 | Pekerjaan sampingan | 161 |
| 5.29 | Penglibatan ahli keluarga | 163 |
| 5.30 | Kadar pengangguran | 164 |
| 5.31 | Pemilikan tanah | 165 |
| 5.32 | Mengusahakan tanah secara ekonomik (>2 ekar) | 166 |
| 5.33 | Purata pendapatan bulanan (>RM 501.00) | 167 |
| 5.34 | Baki wang dalam akaun (>RM 10.00) | 168 |
| 5.35 | Tahap pendidikan formal (sekolah menengah) | 170 |
| 5.36 | Kadar celik huruf | 171 |
| 5.37 | Kadar keciciran pelajaran | 172 |
| 5.38 | Aksess kepada perkhidmatan kesihatan | 173 |
| 5.39 | Kadar jenayah (kekerapan kecurian-sekali/bulan) | 175 |
| 5.40 | Kadar masalah sosial | 176 |

| | | |
|---|---|---|
| 5.41 | Kadar pemilikan rumah | 177 |
| 5.42 | Kadar penceraian | 178 |
| 5.43 | Kadar pergantungan ekonomi | 180 |
| 5.44 | Saiz purata isirumah (4.5-5.5) | 181 |
| 5.45 | Kemudahan bekalan air | 182 |
| 5.46 | Kemudahan bekalan elektrik | 183 |
| 5.47 | Kemudahan tandas | 184 |
| 5.48 | Kadar pencemaran | 185 |
| 5.49 | Tahap kemapanan mengikut indikator | 187 |
| 6.1 | Kaedah pemberian nilai indeks terhadap indikator sikap | 191 |
| 6.2 | Kaedah pemberian nilai indeks terhadap indikator situasi | 192 |
| 6.3 | Kaedah pemberian nilai indeks terhadap indikator sistem | 193 |
| 6.4 | Pengklasifikasian tahap kemapanan | 196 |
| 6.5 | Tahap kemapanan sikap komuniti | 198 |
| 6.6 | Tahap kemapanan sistem komuniti | 199 |
| 6.7 | Tahap kemapanan situasi komuniti | 200 |
| 7.1 | Permasalahan dan ketidakmapanan dalam komuniti | 206 |
| 7.2 | Cadangan kerangka strategi pembangunan mapan komuniti | 207 |
| 7.3 | Kerangka pengurusan alam sekitar | 221 |

# SENARAI RAJAH


| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1.1 | Carta alir penyelidikan | 12 |
| 2.1 | Dimensi kemapanan ekologi | 19 |
| 2.2 | Doktrin perancangan dan pembangunan sejagat | 22 |
| 2.3 | Rumusan konsep komuniti mapan | 24 |
| 2.4 | Rangka kerja indikator awal oleh OECD | 28 |
| 2.5 | Model pressure-state-response (P-S-R) oleh OECD 1993 | 29 |
| 2.6 | Dimensi ilmu pengetahuan pribumi | 41 |
| 3.1 | Taburan penduduk Orang Asli Semenanjung Malaysia | 59 |
| 3.2 | Taburan penduduk Orang Asli mengikut suku kaum (1990) | 61 |
| 3.3 | Peta lokasi kawasan kajian | 78 |
| 3.4 | Peta mental Kg. Kuala Mu, Pos Kuala Mu | 79 |
| 3.5 | Peta mental Kg. Perjek, RPS Legap | 80 |
| 3.6 | Rupa paras Orang Temiar di kawasan kajian | 81 |
| 3.7 | Struktur Umur isirumah | 82 |
| 3.8 | Struktur umur isirumah mengikut kampung | 82 |
| 3.9 | Tahap pendidikan isirumah | 83 |
| 3.10 | Tahap pendidikan isirumah mengikut kampung | 84 |
| 3.11 | Suasana pembelajaran di sekolah | 85 |
| 3.12 | Kawasan kajian dikelilingi bukit-bukat dan tanah tinggi | 86 |
| 3.13 | Sg. Pelus menjadi nadi kehidupan penduduk di kawasan kajian | 86 |
| 3.14 | Aspek fizikal (kualiti perumahan) di kawasan kajian | 87 |
| 3.15 | Kemudahan asas di kawasan kajian | 89 |
| 3.16 | Kemudahan-kemudahan yang disediakan di Pos Kuala Mu | 89 |
| 3.17 | Pekerjaan isirumah | 90 |
| 3.18 | Kemahiran isirumah | 92 |

| | | |
|---|---|---|
| 3.19 | Kemahiran penduduk di kawasan kajian | 93 |
| 3.20 | Sambutan *Sewang* oleh masyarakat Temiar di kawasan kajian | 95 |
| 4.1 | Carta alir metodologi penyelidikan | 99 |
| 4.2 | Ubahsuai *Model P-S-R* oleh OECD (1993) kepada *Model A-O-S* | 101 |
| 5.1 | Umur responden | 126 |
| 5.2 | Umur responden mengikut kampung | 127 |
| 5.3 | Jantina responden | 127 |
| 5.4 | Responden mengikut pegangan agama | 128 |
| 5.5 | Tahap pendidikan responden | 129 |
| 5.6 | Situasi celik huruf responden | 130 |
| 5.7 | Kemahiran responden | 131 |
| 5.8 | Kemahiran responden mengikut kampung | 132 |
| 5.9 | Upacara *Sewang* menyambut tetamu di Kg. Perjek | 137 |
| 5.10 | Tapak sebuah ladang padi bukit yang baru ditanam | 142 |
| 5.11 | Rumusan terhadap analisis kemapanan sikap | 148 |
| 5.12 | Pengasingan bilik tidur | 158 |
| 5.13 | Rumusan terhadap analisis kemapanan sistem | 160 |
| 5.14 | Tanah ladang padi bukit milik *Penghulu Sudin Bin Long* (>2 ekar) | 166 |
| 5.15 | Penyediaan kemudahan kesihatan di kawasan kajian | 174 |
| 5.16 | Jenis-jenis rumah di kawasan kajian | 177 |
| 5.17 | Penduduk bergantung kepada air paip graviti untuk aktiviti harian | 182 |
| 5.18 | Rumusan terhadap analisis kemapanan situasi | 186 |
| 6.1 | Membina pangkalan data SPSS berpandukan nilai Indeks | 194 |
| 6.2 | Arahan *transform-compute* bagi melaksanakan perhitungan jumlah skor serta pembentukan satu pembolehubah baru | 195 |
| 6.3 | Arahan *transform-recode* untuk klasifikasi Indeks kemapanan sama ada tinggi, sederhana atau rendah dengan pembentukan satu pembolehubah baru | 197 |
| 7.1 | Rumusan penemuan dan tindakan cadangan | 205 |
| 7.2 | Cadangan pembangunan pertanian organik secara komersil (jangka pendek) | 210 |
| 7.3 | Cadangan pembangunan pertanian organik secara komersil (jangka panjang) | 211 |
| 7.4 | Pembangunan kegiatan Pelancongan Eko-Budaya | 214 |

| | | |
|---|---|---|
| 7.5 | Pembangunan kegiatan Pelancongan Pertanian | 215 |
| 7.6 | Kerangka strategi pembangunan sumber manusia | 217 |
| 7.7 | Cadangan petempatan tersusun melalui penekanan pembangunan komuniti | 220 |

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pengenalan

Orang Asli merupakan komuniti yang terbukti kaya dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tentang pengurusan alam semulajadi. Komuniti yang ada kini boleh dianggap sebagai hasil daripada aplikasi kebijaksanaan ilmu tradisional yang diwarisi sejak bergenerasi dahulu kepada praktis harian mereka masa kini. Keserasian cara hidup yang berharmoni dengan alam sekitar membolehkan mereka mengetahui di mana tanah yang sesuai untuk bertani, hasil hutan yang bermanfaat dan cara pemeliharaan sepatutnya dibuat sebagai menghormati sumbangan alam kepada kehidupan mereka (Rusli Zaenal, 2002). Menyedari perlunya nilai-nilai dan ilmu pengetahuan tradisi dipertahan untuk mencapai agenda pembangunan mapan komuniti Orang Asli, Deklarasi Rio 1992 telah menyediakan satu pernyataan khusus berkenaan pembangunan komuniti pribumi iaitu Prinsip ke-22 yang menyentuh peranan penting kelompok ini dalam pengurusan alam sekitar dan pembangunan disebabkan ilmu pengetahuan dan amalan tradisional mereka yang mapan.

*Indigenous people and their communities and other local communities, have a vital role in environmental management and development because of their knowledge and traditional practices. States should recognize and duly support their identity, culture and interest and enable their effective participation in the achievement on sustainable development.*

*(Earth Submit, 1992:13)*

Walau bagaimanapun, proses transformasi dan integrasi masyarakat pribumi dengan sistem ekonomi moden hari ini telah mula menghakis nilai dan amalan tradisional mereka. Menurut Surasin (1996) proses kemodenan telah meningkatkan tekanan bagi membekalkan sumber yang diperlukan bagi menampung keperluan kehidupan komuniti yang mula bergantung kepada pasaran dan nilai-nilai individualistik. Kawasan hutan yang dulunya menjadi sumber ekonomi, makanan dan ubat-ubatan yang bermanfaat serta 'rumah' bagi komuniti pribumi mula diteroka dan pelbagai kegiatan ekonomi moden dipraktikkan bagi menggantikan sistem tradisional yang kurang ekonomik. Penggunaan jentera moden, baja dan racun kimia yang tinggi bagi menjamin produktiviti yang maksimum bukan sahaja menyebabkan pencemaran terhadap sumber alam seperti air dan udara, malah turut mengganggu gugat biodiversiti setempat. Manakala kesan langsung terhadap komuniti pribumi adalah hilangnya identiti asal mereka, menghakis amalan semasa yang berpandukan ilmu pengetahuan tradisi yang selama ini dipertahankan (Gregory, 2003; Pulido dan Bocco, 2003; Thomas, 2003).

Berasaskan hujah-hujah ini, jika pembangunan tanpa kawalan ini terus berlaku tanpa usaha yang proaktif bagi membendungnya, dikhuatiri agenda pembangunan mapan komuniti Orang Asli tidak akan berjaya dilaksanakan dan dibimbangkan mereka akan terus mundur, hilang identiti dan ilmu pengetahuan yang berharga untuk diwarisi dan dipelajari generasi yang akan datang. Pembangunan mapan merupakan konsep umum yang cuba diterap ke dalam strategi pembangunan komuniti Orang Asli dan bagi merealisasikannya, kajian yang menyeluruh terhadap komuniti Orang Asli perlu dibuat termasuk mengkaji sistem ilmu pengetahuan serta praktis semasa yang memenuhi prinsip-prinsip pembangunan mapan untuk dijadikan asas tindakan.

Pengalaman beberapa negara luar dalam membangunkan komuniti pribumi perlu dikaji untuk mengetahui bagaimana keunikan komuniti ini dalam pengurusan sumber alam dan pembangunan dapat digabungkan bersama-sama pendekatan moden bagi mewujudkan strategi pembangunan yang bukan sahaja menjamin pencapaian agenda pembangunan mapan, tetapi menghapuskan belenggu kemunduran yang menjadi label kepada masyarakat pribumi, dan Orang Asli khususnya. Biarpun sehingga kini masih belum wujud suatu model yang boleh dianggap contoh komuniti Orang Asli yang mapan, penyelidikan ini melihat adalah penting bagi komuniti Orang Asli diberikan pendedahan awal melalui pembentukan kerangka strategi pembangunan bagi mendokong keperluan kehidupan yang mapan. Hasil semakan ke atas kajian-kajian sebelum ini seperti Thomas (2003); Gregory (2003); Pulido dan Bocco (2003) mendapati komuniti pribumi secara warisannya telah mempraktikkan prinsip-prinsip pembangunan mapan sepertimana yang diterjemah melalui sistem ilmu pengetahuan pribumi *(indigenous knowledge system)* yang mendokong prinsip-prinsip pembangunan mapan meliputi aspek pengetahuan teknikal, kegiatan ekonomi, tatacara bersosial, perhubungan dengan alam sekitar dan sebagainya.

Usaha merangka strategi pembangunan mapan bagi komuniti Orang Asli juga semakin mencabar berikutan perkembangan pengaruh globalisasi di mana persaingan dan peluang ekonomi lebih bergantung kepada kuasa pasaran. Dalam situasi yang belum bersedia dan mundur, dikhuatiri komuniti Orang Asli akan terus tercicir di dalam persaingan tersebut atau membuat tindakan untuk memenuhi tuntutan perubahan dengan cara yang tidak mapan. Justeru, penyelidikan ini meletakkan fokus bagaimana suatu kerangka strategi pembangunan mapan komuniti Orang Asli dapat dibentuk melalui kajian terhadap elemen-elemen ilmu pengetahuan dan amalan-amalan tradisional yang mapan berpandukan praktis semasa komuniti serta aspek yang boleh digabung bersama pendekatan moden di dalam pembangunan sosio-ekonomi supaya dapat digunakan sebagai asas kerangka strategi pembangunan mapan komuniti Orang Asli di masa akan datang.

## 1.2 Permasalahan Penyelidikan

Kehidupan Orang Asli tidak dapat dipisahkan dengan alam semulajadi. Hubungan erat yang terjalin sejak beratus tahun lalu membolehkan Orang Asli terus hidup dalam lingkungan yang harmoni dan menghormati alam sekitar. Cara hidup yang dibentuk melalui interaksi ini dikenali sebagai sistem ilmu pengetahuan pribumi (Pulido dan Bocco, 2003). Menurut Ylhaisi (2003), sistem ilmu pengetahuan pribumi adalah proses pembelajaran yang panjang melalui proses cuba dan jaya serta melalui penyampaian lisan berhati-hati dari satu generasi ke generasi seterusnya. Himpunan ilmu ini mencakupi hampir keseluruhan sistem hidup komuniti dan hasilnya sebarang tindakan hanya akan dibuat setelah memikirkan stok sistem semulajadi dan kemampuan penghasilan semula oleh alam. Ilmu yang terkandung di dalam sistem ini adalah holistik dengan merangkumi ilmu saintifik iklim, hidrologi, tanah-tanih, tumbuh-tumbuhan dan haiwan (Pulido dan Bocco, 2003; Loomis, 2000).

Penerimaan komuniti global terhadap konsep pembangunan mapan yang dicerminkan pada Persidangan Bumi di Rio (1992) dan Persidangan Bumi bagi Pembangunan Mapan di Johannesberg (2002) telah membuka langkah bagi mencari model sebuah komuniti yang mengamalkan prinsip-prinsip pembangunan mapan. Kajian terhadap amalan kemapanan masyarakat giat dijalankan dan turut terarah kepada kawasan yang kurang membangun seperti penempatan komuniti Orang Asli atau pribumi dan hasilnya, beberapa pakar mendapati sebahagian amalan hidup komuniti ini turut mendokong prinsip-prinsip pembangunan mapan. Sebagai contoh, Loomis (2000) mengkaji kaum Maori di New Zealand mendapati ilmu pengetahuan tradisional amat mempengaruhi pembangunan komuniti dengan menyediakan garis panduan yang holistik dan mapan. Manakala, Pulido dan Bocco (2003) mengkaji amalan pertanian integrasi masyarakat pribumi di bahagian tengah Mexico yang berteraskan ilmu pengetahuan tradisional mendapati ia bukan sahaja menunjukkan penerapan cara kerja yang mesra alam, malah menjadikan komuniti sebagai pengurus sumber alam yang baik. Gregory (2003) pula menjelaskan keunikan amalan pertanian organik kelompok pribumi di kepulauan Papua New Guinea yang menjana asas ekonomi yang mencukupi bagi kelangsungan hidup komuniti sejak beratus tahun lalu dan mendapati cara tradisional seperti amalan bergotong-royong sebagai asas penting pengukuhan dan kestabilan komuniti.

Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan wujud amalan prinsip-prinsip kemapanan oleh komuniti pribumi tersebut, tahap kemapanan sebenar masih gagal diukur terutama secara kuantitatif dengan mempersembahkan data-data yang meyakinkan. Malah, sehingga penyelidikan ini dibuat masih belum terdapat suatu set indikator yang khusus untuk mengukur tahap kemapanan komuniti Orang Asli di Malaysia. Kebanyakan hujah berkenaan amalan kemapanan komuniti Orang Asli diberikan oleh para pengkaji antropologi yang bersifat kualitatif dan sukar untuk diukur. Situasi ini telah menyulitkan tindakan perancangan dan pembangunan kerana jururancang tidak dapat mengenalpasti situasi dan tahap kemapanan komuniti serta aspek-aspek yang boleh diperbaiki secara khusus melalui cadangan strategi pembangunan.

Masalah ketiadaan set indikator yang khusus bagi mengukur tahap amalan kemapanan komuniti secara kuantitatif akhirnya menimbulkan permasalahan yang lebih besar di mana perlaksanaan pelbagai strategi pembangunan komuniti Orang Asli masa kini dibuat tanpa mengambilkira elemen-elemen yang mapan dan boleh diterapkan ke dalam kerangka strategi atau program pembangunan. Maka hasilnya, strategi-strategi pembangunan yang dilaksanakan menjadi tidak seimbang kerana tertumpu kepada aspek ekonomi dengan matlamat membasmi kemiskinan Orang Asli. Sewajarnya, pembentukan kerangka strategi pembangunan boleh dibuat setelah mengambilkira agenda pembangunan komuniti mapan (prinsip ke-22 Deklarasi Rio) melalui penekanan terhadap sistem ilmu pengetahuan Orang Asli yang dikenalpasti melalui indikator-indikator tertentu serta turut mendapatkan input untuk cadangan strategi melalui proses penglibatan dan pengupayaan komuniti Orang Asli sendiri.

Usaha pembangunan komuniti Orang Asli di Malaysia telah bermula sebelum kemerdekaan dengan fokus keselamatan iaitu memberikan perlindungan daripada pengaruh dan ancaman gerakan komunis. Manakala, selepas kemerdekaan dan berakhirnya penentangan komunis, strategi pembangunan Orang Asli telah berubah daripada faktor keselamatan kepada kebajikan dan sosio-ekonomi di mana antara langkah terbesar diambil pihak kerajaan melalui Jabatan Orang Asli (kini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, JHEOA) ialah perlaksanaan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli. Rancangan yang bermula pada tahun 1979 sehingga kini telah memindahkan 4,784 keluarga Orang Asli ke kawasan tersusun dengan perbelanjaan berjumlah RM 184.2 juta (Zahid Emby *et al.,* 1996). Namun, apakah strategi memodenkan Orang Asli ini berjaya?

Menurut JHEOA (2003) pencapaian program pembangunan Orang Asli selepas 40 tahun tidak menunjukkan pencapaian yang membanggakan di mana paras kemiskinan serta kemelaratan hidup di kalangan isirumah Orang Asli masih berada di tahap yang tinggi dengan hampir 80 peratus isirumah hidup di bawah garis kemiskinan dan 50 peratus daripadanya dikategorikan sebagai ketermiskinan. Perubahan mendadak nilai-nilai hidup komuniti yang mapan juga sering dikaitkan dengan pengaruh kemodenan dan struktur ekonomi berasaskan pasaran di mana mereka mula menunjukkan keterbukaan dengan menerima pengaruh luar. Pengaruh ekonomi pasaran telah memaksa Orang Asli mengeksploitasi sumber hutan secara tidak terkawal sehingga berlaku kepupusan sumber bagi memenuhi keperluan kewangan. Manakala keinginan untuk hidup senang pula membuatkan sebahagian daripada penduduk terutama belia berhijrah keluar kampung untuk bekerja makan gaji di bandar-bandar atau pekan yang berhampiran. Senario yang timbul atas tiket pemodenan dan pembangunan nampaknya berisiko menghakis nilai-nilai hidup komuniti yang mapan kerana tumpuan yang berlebihan kepada pembangunan ekonomi menjadikan institusi sosial kampung serta aspek pengurusan dan pemeliharaan sumber-sumber semulajadi diabaikan terutama untuk generasi yang akan datang. Berdasarkan pernyataan masalah yang diutarakan, penyelidikan ini akan fokus kepada beberapa persoalan utama:

1. Apakah konsep pembangunan mapan dan komuniti mapan?

2. Apakah elemen-elemen dalam membentuk komuniti yang mapan dan apakah indikator yang terlibat?

3. Setakat manakah sistem ilmu pengetahuan Orang Asli masih diamalkan dalam kehidupan atau amalan harian komuniti masa kini?

4. Apakah amalan-amalan kemapanan dan ketidakmapanan yang wujud dalam komuniti yang dikaji?

5. Apakah tahap kemapanan komuniti Orang Asli yang dikaji?

6. Bagaimanakah kerangka strategi bagi meningkatkan kemapanan komuniti Orang Asli yang dikaji?

## 1.3 Matlamat dan Objektif Penyelidikan

Matlamat penyelidikan ialah untuk membentuk kerangka strategi pembangunan mapan komuniti Orang Asli. Kerangka strategi yang dibentuk adalah berteraskan kombinasi amalan dan tahap kemapanan semasa komuniti dengan elemen kemodenan bagi mendokong keperluan kehidupan komuniti yang mapan.

Untuk mencapai matlamat penyelidikan dengan berkesan, lima (5) objektif telah dikenalpasti seperti berikut:

1. Menjelaskan konsep dan ciri-ciri komuniti mapan.

2. Meninjau strategi-strategi pembangunan mapan masyarakat pribumi dan Orang Asli yang dilaksanakan di Malaysia dan luar negara.

3. Membangunkan satu set indikator komuniti mapan Orang Asli sesuai dengan keperluan penyelidikan.

4. Mengukur tahap kemapanan komuniti meliputi aspek sikap, sistem dan situasi bagi mengenalpasti amalan-amalan hidup yang mapan

5. Membina kerangka strategi pembangunan mapan yang sesuai bagi komuniti Orang Asli yang dikaji.

## 1.4 Skop Penyelidikan

Fokus penyelidikan ini adalah terhadap pembentukan kerangka strategi pembangunan mapan bagi komuniti Orang Asli. Untuk mencapai matlamat dan objekif yang dinyatakan, penyelidikan ini pertamanya membuat kajian literatur di mana tumpuan diberikan bagi mengenalpasti masalah-masalah berkenaan komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ini diikuti dengan kajian literatur terhadap aspek-aspek yang

perlu diterap ke dalam langkah membina kerangka strategi pembangunan mapan seperti pemahaman terhadap konsep pembangunan mapan, konsep dan ciri-ciri komuniti mapan, mengenalpasti indikator-indikator kemapanan serta proses pembentukan indikator komuniti mapan yang sesuai dengan keperluan penyelidikan. Kajian literatur juga turut melakukan semakan terhadap bentuk-bentuk strategi pembangunan bagi komuniti Orang Asli di Malaysia serta perlaksanaan strategi pembangunan mapan komuniti pribumi di negara-negara luar seperti Australia, New Zealand, Papua New Guinea, Indonesia, Thailand, Mexico, Uruguay, Kanada dan beberapa negara lain.

Penjelasan turut dibuat tentang profil masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan kawasan kajian meliputi latar belakang dan asal-usul Orang Asli, profil mengikut suku kaum, taburan petempatan setiap suku kaum mengikut negeri, cabaran pembangunan Orang Asli di Malaysia serta sejarah dan latar belakang kawasan kajian iaitu dua perkampungan Orang Temiar di Kg. Perjek di RPS Legap dan Kg. Kuala Mu di Pos Kuala Mu, Perak. Kajian ini juga antara lainnya meliputi perkara-perkara berikut; pertama pembentukan satu set indikator komuniti mapan Orang Asli yang khusus untuk mengukur tahap amalan kemapanan di kalangan isirumah di kawasan kajian. Set indikator ini dibentuk setelah menilai dan mengambilkira kesesuaian indikator-indikator yang dikenalpasti melalui kajian literatur sebelum ini. Kedua, menganalisis ciri-ciri responden dan ciri-ciri isirumah di kedua-dua buah kampung meliputi aspek umur, tahap pendidikan, status pekerjaan dan kemahiran. Ketiga, menganalisis setiap indikator komuniti mapan (aspek sikap, sistem dan situasi) dan membandingkan hasil analisis dengan cadangan piawaian kemapanan pada set indikator. Keempat, menganalisis tahap kemapanan komuniti melalui pemberian nilai indeks setiap indikator dan merumuskan tahap kemapanan kepada tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

Akhirnya, kajian ini mengenalpasti amalan-amalan yang mapan dan tidak mapan serta tahap kemapanan komuniti. Di samping itu, kajian turut merumuskan implikasi daripada penemuan analisis terhadap cadangan pembentukan kerangka strategi pembangunan mapan komuniti Orang Asli di mana cadangan kerangka strategi yang dibuat mengambilkira keperluan untuk mengekalkan amalan-amalan semasa yang mapan di samping mempertingkatkan tahap kemapanan komuniti melalui usaha pembangunan dan kemodenan bagi melahirkan komuniti yang maju dan mendokong pengamalan prinsip-prinsip pembangunan mapan.

## 1.5 Sumbangan dan Kepentingan Penyelidikan

Mutakhir ini, minat terhadap penyelidikan berkaitan komuniti Orang Asli menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dengan terhasilnya banyak laporan. Jika pada peringkat awal, kajian terhadap Orang Asli lebih mendapat perhatian para pendokong sosiologi dan antropologi (rujuk Mustaffa Omar, 2004; Siti Nor Awang dan Juli Edo, 2003; Amran Kasimin, 1993; Itam Wali Nawan, 1993), kini pengkaji daripada bidang lain termasuklah aliran pembangunan (rujuk Nooraini Ali, 1999; Sunaidin, 1997) terlibat meneroka bidang ini. Memandangkan sehingga laporan ini dibuat masih belum ada penyelidikan bagi strategi pembangunan mapan komuniti Orang Asli, penyelidikan ini boleh dianggap sebagai perintis bagi merealisasikan komitmen kerajaan terhadap Deklarasi Rio amnya dan perlaksanaan prinsip ke-22 deklarasi khasnya.

Set indikator komuniti mapan yang dibentuk dan pemakaiannya bagi mengukur secara kuantitatif tahap amalan kemapanan oleh penyelidikan ini diharap dapat dijadikan panduan membantu pihak-pihak yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan Orang Asli. Selain itu, perbincangan terhadap konsep dan ciri-ciri komuniti mapan pada bab literatur diharap dapat membantu meluaskan cabang ilmu pengetahuan berkenaan idea pembangunan mapan serta bagaimana satu komuniti yang dianggap terpinggir ini telah mengamalkan prinsip-prinsip kemapanan melalui amalan harian berteraskan ilmu pengetahuan tradisional mereka sebagaimana yang cuba diterapkan di dalam agenda pembangunan komuniti Orang Asli di kebanyakan negara di dunia hari ini.

Kajian literatur terhadap sejarah serta latar belakang Orang Asli terutama di kawasan kajian juga diharap menjadi sumbangan besar penyelidikan ini kerana sehingga kini tiada satu dokumen yang rasmi menerangkan sejarah dan latar belakang masyarakat Orang Asli, terutama bagi kawasan kajian. Akhir sekali, cadangan kerangka strategi melalui penyelidikan ini diharap dapat dipertimbangkan sebagai panduan bagi membina kerangka pembangunan yang lebih mantap oleh agensi yang terlibat terutama JHEOA di peringkat persekutuan, negeri serta daerah untuk tindakan susulan setelah mengenalpasti kaedah perlaksanaan, kawasan-kawasan yang sesuai serta kemampuan kewangan agensi.

## 1.6 Organisasi Tesis

